

Tangani ketidaktentuan nilai ringgit elak kemelesetan lebih teruk

# Tambat mata wang - Tun M

UM - 2/6/2022 w/s: 7

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
DAN ASLINDA NASIR

utusannews@mediamulia.com.my



**MAHATHIR MOHAMAD**

**PUTRAJAYA:** Malaysia perlu mempertimbangkan untuk melaksanakan tambatan mata wang dalam menangani ketidaktentuan nilai ringgit sebagaimana dilaksanakan ketika Krisis Kewangan Asia 1997.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu perlu dilakukan supaya nilai ringgit tidak terus jatuh sehingga boleh mengakibatkan berlaku kemelesetan ekonomi yang lebih teruk.

Beliau menjelaskan, walaupun idea beliau pada era pentadbirannya itu dianggap tidak masuk akal kerana berisiko berdepan banyak masalah sehingga boleh menjerumuskan negara ke arah bangkrap, namun ia terbukti berjaya apabila kadar pertukaran wang ditetapkan pada nilai itu.

Menurut beliau, Malaysia mempunyai jumlah tabungan yang terbesar di dunia kerana

mempunyai dana yang banyak, maka negara mampu melaksanakan kaedah berkenaan.

“Malaysia boleh buat tambatan ringgit, orang lain (negara lain) tak boleh buat kerana Malaysia mempunyai simpanan cukup banyak. Bank Negara punya simpanan lebih daripada RM100 bilion. Dahulu masa kita ada krisis mata wang, Bank Negara cuma ada RM30 bilion saja, itu pun kita boleh buat (tambatan).

“Jadi apabila kita tetapkan nilai ringgit, jadi mudah bagi orang berniaga apabila nilai ditetapkan sebanyak itu. Tapi ada orang kata kalau kita tetap

nilai ringgit, kita akan hadapi banyak masalah. Dahulu pun pada tahun 1998 pun ada orang kata demikian juga.

“Pakar-pakar kewangan kata kalau kita tetapkan kadar tukaran wang, negara akan bankrap. Tapi kita tak bankrap. Bahkan kita dapat pulih semula,” katanya ketika ditemui di pejabat beliau, di sini semalam.

Pada 1997, kadar tukaran ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap dolar AS, sebagai langkah terhadap kawalan tukaran asing terpilih bagi mengekang tekanan luar yang menyebabkan ekonomi negara terjerumus ke dalam kemelesetan.

Walaupun tindakan Dr. Mahathir itu pada mulanya dikritik institusi kewangan seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa, namun kedua-dua badan kewangan dunia itu mengakui bahawa dasar tersebut menghentikan turun naik nilai ringgit dan membantu memulihkan kewangan negara.

Bagaimanapun pada 21 Julai 2005, kerajaan memansuhkan tambatan ringgit dan nilai ring-

git kemudiannya ditentukan dengan mengapungkannya secara terurus berbanding sekumpulan mata wang asing terpilih.

Dr. Mahathir berkata, satu daripada kelebihan Malaysia ialah mempunyai jumlah simpanan yang besar melalui pelbagai dana simpanan seperti di Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Tabung Haji yang merangkumi 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Bagaimanapun, beliau memberitahu, ada duit negara yang sudah diberi pinjaman kepada Amerika Syarikat melalui pembelian bon yang bermakna negara membantu Amerika dengan duit dari Malaysia.

“Bila bantu Amerika dengan duit kita, bila kita nak balik duit, dia tak bagi. Ini cara Amerika. Duit orang dia ambil simpan, bila kita nak, dia tak bagi. Macam di Iran, dia tak bagi. Jadi, walaupun dia tak bagi, tapi dalam negara kita sudah ada duit yang banyak yang disimpan macam-macam bentuk,” ujarnya.